



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tingkat 6, Gaya Centre, Jalan Tun Fuad Stephens
Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-260741/2/3/4 Faks: 088-260734

JABATAN BENDAHARI

UMS/BN3.1/P5/22

PEKELILING BENDAHARI BIL 4/98

27 JANUARI 1998

Dekan Hal Ehwal Pelajar
Dekan Sekolah Sains & Teknologi
Dekan Sekolah Sains Sosial
Dekan Sekolah Perniagaan & Ekonomi
Dekan Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat
Dekan Sekolah Psikologi & Kerja Sosial
Dekan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial
Dekan Sekolah Sains Makanan & Pemakanan
Dekan Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
Dekan Pusat Ko-Kurikulum & Kesenian
Ketua Unit Penyelidikan Biologi Tropika & Pemuliharaan
Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo
Ketua Unit Media & Teknologi Pendidikan
Ketua Perpustakaan
Ketua Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan
Pengarah Matrikulasi

Y Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

GARIS PANDUAN PEROLEHAN BARANGAN, KERJA DAN PERKHIDMATAN

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada pekeling Bendahari Bil. 8/97 bertarikh 10 Oktober 1997 mengenai perkara di atas.

Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan dan penelitian pejabat ini, didapati bahawa masih terdapat perolehan dibuat secara pembelian terus tanpa menggunakan Pesanan Rasmi/Arahan Kerja (LPO) walaupun pekeling telahpun dikeluarkan. Sehubungan itu, kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan adalah dipohon supaya semua perolehan kecuali pembelian menggunakan panjar wang runcit hendaklah mengemukakan permohonan ke Unit Perolehan terlebih dahulu dan setelah kelulusan diperolehi daripada pejabat ini, maka Pesanan Rasmi hendaklah dikeluarkan untuk setiap pembelian. Sebarang pembelian tidak menggunakan Pesanan Rasmi/Arahan Kerja tidak akan dilayan.

Sukacita juga dipohon tindakan dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan sendiri untuk mengawasi dengan rapi terhadap setiap perbelanjaan dan hendaklah juga sentiasa mengingatkan pegawai-pegawai bahawa tindakan surcaj seterusnya boleh diambil ke atas mereka yang didapati tidak mematuhi garis panduan dan syarat ini serta peraturan-peraturan kewangan Universiti ini.

Sekian.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Yang benar

RIZAL OTHMAN
Bendahari

- s.k.
- Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
 - Y.Bhg. Dato' Timbalan Naib Canselor (Akademik)
 - Pendaftar